

16 NOV 1963  
**Tuduhan  
Mahathir  
komunis  
dilaporkan  
kepada polis  
hari ini**

**KUALA LUMPUR 17 Nov.** — Pergerakan Pemuda UMNO akan membuat laporan polis esok berhubung dengan ucapan terbuka salah seorang pemimpin kumpulan serpihan yang menuduh Perdana Menteri sebagai seorang komunis serta bercadang untuk membawa pemerintahan ala komunis.

Ketuanya, Datuk Sri Najib Tun Razak berkata, seorang ahli Exco Pemuda akan membuat laporan di Balai Polis Jalan Dang Wangi.

Katanya, tuduhan itu melulu dan bertentangan dengan undang - undang serta malah membawa kepada ketidakstabilan politik negara. Bercekap dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Pemuda UMNO di Bangunan Parlimen di sini petang ini beliau memberitahu, ucapan tersebut telah dibuat di Perak dan Pemuda mempunyai bukti - bukti lanjut serta

ucapan berkenaan. Katanya, kesemua bukti itu akan diserahkan kepada polis untuk tujuan penyiasatan.

Beliau berharap tindakan tegas akan diambil terhadap perbuatan yang tidak bertanggungjawab oleh pemimpin kumpulan serpihan berkenaan.

Datuk Sri Najib menambah, tindakan tegas seharusnya diambil untuk menghindarkan perbuatan tidak bertanggungjawab itu dari terus berlaku kerana ia amat serius.

"Saya bimbang kalau tindakan tidak diambil, kejadian yang lebih buruk mungkin akan berlaku akibat serangan peribadi seperti mencaci dan mencera," ujarnya.

Datuk Sri Najib juga berkata Pemuda memandang berat tindakan yang masih berterusan oleh kumpulan serpihan yang cuba menimbulkan suasana tegang di kalangan masyarakat umum.